

Lee Fatt bertanya mengenai inisiatif kerajaan dalam usaha menceriaikan bandar sebagai kawasan pelancongan atau tempat menarik.

Jaujan yang juga Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan negeri, berkata inisiatif R&D pula menumpukan penyelidikan kawasan berpotensi untuk dimasukkan dalam senarai keutamaan bagi dipelihara sebagai tatapan pelancong dan warisan generasi akan datang.

Sementara itu, Pembantu Menteri Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat negeri, Norazlinah Arif, berkata kerajaan negeri memperuntukkan RM46 juta untuk mengagihkan Bantuan Am dan Bantuan Anak Yatim pada tahun ini.

Beliau yang menjawab soalan Datuk Ghulam Haidar Khan Bahadar (BERSATU-Kawang) mengenai jumlah peruntukan dan penerima bantuan pada tahun ini, menjelaskan 19,006 orang menerima Bantuan Am dan 2,360 orang menerima Bantuan Anak Yatim tahun ini dengan peruntukan RM3.8 juta sudah dibelanjakan.

Selain itu, Norazlinah berkata peruntukan RM144.8 juta turut diterima daripada Kerajaan Pusat tahun ini bagi Bantuan Orang Tua (BOT), Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB), Elaun Pekerja Cacat (EPC), Bantuan Kanak-Kanak (BKK), Bantuan Anak Pelihara (BAP) serta Bantuan Pesakit dan OKU Terlantar (BPT).